



Rosmah bersama pelajar PERMATA Insan yang menyertai dan memenangi pingat sempena WCF 2015 di Korea selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU dan terma rujukan di Putrajaya, semalam.

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

# PERMATA meterai MoU dengan empat universiti

**Putrajaya:** Bahagian PERMATA Jabatan Perdana Menteri, semalam menandatangani empat memorandum persefahaman (MoU) dan tiga terma rujukan berhubung perkembangan kanak-kanak dengan beberapa agensi pelaksana.

Penaung Program PERMATA, Datin Seri Rosmah Mansor, berkata MoU dan tiga terma rujukan berkenaan merangkumi bidang akademik, penyelidikan selain khidmat bagi menggalakkan serta memupuk bakat mereka dalam bi-

dang berkaitan.

"MoU bersama empat universiti terpilih selain terma rujukan membabitkan dua kementerian selain satu agensi ini akan membawa pelbagai manfaat.

## Tingkat kecemerlangan

"Diharapkan, 'kerjasama ini akan meningkatkan mutu dan kecemerlangan program PERMATA serta dapat menambah nilai berikutan pembabitan lebih ramai pakar berkemahiran," katanya pada majlis me-

nandatangani MoU dan terma rujukan terbabit, di sini semalam.

Universiti yang menandatangani MoU berkenaan ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sementara itu, terma rujukan membabitkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KK-

LW) serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Rosmah berkata, kerjasama strategik itu dapat memanfaatkan sepenuhnya penggunaan sumber manusia secara cepak lagi berkesan, selaras dengan pelaksanaan strategi lautan biru kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan kerajaan.

"Diharapkan kerjasama yang terjalin ini akan memacu usaha semua pihak untuk membantu PERMATA menjadi pentas kecemerlangan kepada mereka yang terbabit," katanya.

## Menang pingat emas

Beliau turut memaklumkan mengenai kemenangan pelajar PERMATA Insan pada pertandingan Projek Jangka Panjang Peringkat 1 & 2 sempena Festival Kreativiti Dunia (WCF 2015), anjuran Korea Advanced Institute of Science and Technology (KAIST) di Daejeon, Korea.

"Pada pertandingan berkenaan, pelajar PERMATA Insan berjaya memenangi pingat emas selepas mengalahkan peserta dari Taiwan, Arab Saudi, China, Korea dan Indonesia.

"Antara lain, juri berpandangan bahawa penyelidikan pelajar PERMATA Insan dari Malaysia adalah satu-satunya yang mengintegrasikan penyelidikan mereka dengan elemen agama," katanya.

WCF adalah forum yang menjadi pentas kepada pelajar mempertandingkan hasil penyelidikan masing-masing berkaitan dengan kemampuan dan kreativiti menyelesaikan masalah.